

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2014

SOALAN :

YB. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian mengambil tindakan ekoran lawatan serta pengumuman YAB Perdana Menteri ke Royal Belum untuk mendapat pengiktirafan dunia dari UNESCO mengenai hutan Khatulistiwa tertua di dunia serta bantuan lain bagi kemajuan kawasan tersebut.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
 MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Royal Belum telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan di bawah kategori Warisan Semulajadi pada tahun 2012. Ia merangkumi kawasan seluas 117,500 hektar dan terletak di utara Semenanjung Malaysia yang bermula dari Banjaran Titiwangsa. Hutan ini kaya dengan haiwan dan tumbuhan mengagumkan yang belum pernah diteroka atau diganggu oleh kehadiran manusia.

Susulan daripada lawatan YAB. Perdana Menteri ke Royal Belum pada 9 Mei 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah mengadakan perbincangan pada 19 Mei 2014 dalam usaha untuk mengangkat Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Antara pihak yang terlibat dalam perbincangan tersebut ialah Jabatan Warisan Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Perak, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak dan Perak State Park.

Hasil daripada perbincangan tersebut, didapati bahawa kawasan Belum sahaja layak diangkat sebagai calon Malaysia untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO manakala kawasan Temenggor tidak bersedia untuk dicalonkan kerana di kawasan ini telah terdapat pembangunan yang menyebabkan

keasliannya terganggu dan akan menjejaskan pencalonan jika dimasukkan bersama Belum. Tapak Belum dilihat dapat memenuhi salah satu kriteria daripada 10 kriteria yang telah ditetapkan didalam *World Heritage Convention* 1972 iaitu kriteria "*contain the most important and significant natural habitats for in-situ conservation of biological diversity, including those containing threatened species of Outstanding Universal Value from the point of view of science or conservation*".

Sebelum sesuatu tapak diangkat ke UNESCO untuk dimasukkan sebagai Senarai Tentatif (*Tentative List*), data dan maklumat lengkap perlu dikumpulkan kerana setiap penyenaiaan akan dinilai terlebih dahulu oleh UNESCO.

Proses dan prosedur ini akan mengambil tempoh masa yang panjang sebelum penyediaan dokumen (*dossier*) yang lebih terperinci. Kebiasaannya tempoh bagi sesuatu pencalonan memakan masa melebihi empat (4) tahun. Untuk itu, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sedang menjalankan kerja-kerja awalan termasuk pengumpulan maklumat dan perbincangan berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 30

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berhubung kos penyediaan sonar imbasan dan kapal sokongan marin yang menyertai dalam operasi mencari dan mendapatkan semula (SAR) pesawat MH370 Malaysia yang dibiayai oleh Petroleum Nasional Bhd. Adakah Petronas itu sekali dijadikan "kantung peribadi" Kerajaan dalam membiayai kos SAR sebanyak RM67 juta tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Petroleum Nasional Bhd. (Petronas) telah bersetuju untuk menyediakan dana siling berjumlah RM67 juta kos bagi penyediaan sonar imbasan dan kapal sokongan marin yang menyertai dalam operasi mencari dan mendapatkan semula (SAR) pesawat MH370 Malaysia yang dibiayai oleh Petronas adalah sebahagian daripada *Corporate Social Responsibility (CSR)* terhadap Malaysia.